

IMEJ KECENDEKIAAN DALAM CERITA RAKYAT KANAK-KANAK MALAYSIA

Noraini Zainal Abidin, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi and Maizatul Akma Aziz
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Kecerdikan seseorang itu boleh diperhatikan melalui sikap dan tindakan yang dilakukan olehnya. Dalam hal ini, kepandaian yang ada pada seseorang boleh dikenal pasti sejak dari peringkat kanak-kanak lagi. Maka, kajian ini berfokuskan kepada hal dan sifat yang melambangkan kecerdikan oleh watak kanak-kanak yang terdapat dalam cerita rakyat di Malaysia. Hal ini demikian kerana, terdapat isu yang mempertikaikan bahan bacaan kanak-kanak iaitu cerita rakyat sudah lapuk dan tidak menyumbang apa-apa kepada pembacanya. Malah, terdapat juga pandangan yang menegaskan bahawa cerita rakyat telah membawa imaginasi kanak-kanak ke alam fantasi dan jelas menampakkan kebodohan serta mendedahkan pelbagai nilai negatif kepada kanak-kanak. Sedangkan, cerita rakyat kaya dengan aspek kebijaksanaan yang perlu didedahkan dalam bahan bacaan kanak-kanak. Selain itu, kajian ini akan mengenal pasti imej keceerdikan kanak-kanak yang terdapat di dalam '*Koleksi Terpilih Cerita Rakyat Malaysia*' dan menganalisis hal dan sifat kecerdikan dengan menggunakan pendekatan pengurusan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kecerdikan yang diwakili oleh golongan kanak-kanak tradisi menyumbang kepada pengalaman pembaca kanak-kanak untuk mengatasi situasi ataupun perkara yang sukar. Maka, diharapkan kajian ini dapat membuka minda masyarakat untuk memberi ruang kepada golongan kanak-kanak bagi merangsang minda mereka dalam melakukan sesuatu.

Kata Kunci:

Imej, Kecerdiaan, Cerita Rakyat, Kanak-kanak

ABSTRACT

Intelligence in an individual can be observed through their behavior and action done. In this case, intelligence in an individual can be identified since their childhood. Thus, this research is focusing on the matter and characteristics that symbolized the intelligence in kids' characters in the Malaysian folklore. This is due to an issue that have been causing disagreement in the kids reading materials; it was old and did not contributed anything to the reader. There were also views that the folklore had been bringing kids' imagination to the fantasy and this would then portrays the stupidity and also exposing a lot of negative values to the children while folklore are actually rich in intelligence that need to be revealed. Other than that, this research will be identifying the intelligence image contained in the '*Koleksi Terpilih Cerita Rakyat Malaysia*' and analyze the issues and intelligence by using the management approach in kids' context. The result of this research shows that the intelligence represented by the kids contributed to the kids readers experience to overcome the situation or difficulties. Thus, this research is hoped to open the society's mind to give more space to kids to stimulate their mind to do something.

Keywords:

Image, intelligence, folklore, children,

PENGENALAN

Cerita-cerita klasik seperti cerita rakyat asalnya ditujukan kepada masyarakat umum sejak zaman tradisi lagi. Hal ini demikian kerana, cerita-cerita rakyat dijadikan unsur hiburan bagi masyarakat tradisi untuk menghilangkan kepenatan seharian bekerja. Malah, cerita rakyat diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi sebagai warisan daripada masyarakat tradisi secara lisan sebelum munculnya dunia pencetakan. Setiap cerita rakyat yang disampaikan mengalami tokok tambah namun dasar dan inti patinya tetap sama. (Ismail Hamid, 1987: 4) cerita rakyat merujuk kepada hasil penciptaan sastrera

bagi sesuatu masyarakat yang dapat memberi gambaran cara hidup atau budaya sesuatu masyarakat. Dalam konteks ini, mesej serta pedoman yang terkandung di dalam cerita rakyat merupakan input kepada generasi tentang kehebatan nenek moyang mereka menjalani kehidupan harian. Hal ini menyumbangkan kepada pembentukan keperibadian dan sahsiah masyarakat melalui mesej yang terkandung di dalam sesebuah cerita sama ada golongan dewasa mahupun kanak-kanak.

Namun, peredaran zaman telah menyebabkan genre cerita rakyat telah menarik perhatian kanak-kanak sehingga diolah semula bagi golongan tersebut. (Hadijah Rahmat,2006:34) cerita rakyat mula membanjiri alam kesusasteraan kanak-kanak tempatan berbanding genre lain kerana unsur-unsur lucu yang terkandung di dalam cerita rakyat turut disenangi oleh kanak-kanak. Walaupun terdapat pandangan yang mempertikaikan cerita rakyat sebagai bahan bacaan kanak-kanak. (Misran Rokimin, 2005:31) cerita-cerita rakyat telah membawa imaginasi kanak-kanak ke alam fantasi dan kadang-kadang menampakkan kebodohan serta mendedahkan pelbagai nilai negatif sedangkan falsafah di sebalik cerita-cerita klasik dapat membantu kanak-kanak belajar mengenal dunia, yang merupakan satu proses permulaan pembelajaran, iaitu mempelajari cara mereka menguruskan sesuatu perkara atau situasi. Di samping itu, pertikaian tentang kehebatan pemikiran yang terkandung dalam cerita rakyat juga turut dilontarkan. (Fadli Al-Akiti, 2015:1) menyatakan bahawa pada era globalisasi sekarang, mesej yang terdapat di dalam cerita rakyat seperti aspek menguruskan kehidupan harian sudah dianggap lapuk dan tidak menyumbangkan apa-apa pada pembangunan insan masyarakatnya. Sedangkan, cerita rakyat menjadi bahan bacaan kepada kanak-kanak sebagai gambaran tentang kehidupan ini. Sebagai contohnya, penyelesaian konflik ataupun masalah yang terdapat dalam plot cerita rakyat dapat mengasah minda kanak-kanak untuk bertindak semasa mengharungi cabaran dalam melangsungkan kehidupan. (Norsaliza Mohd Shuhaini et al. ,2017:73) kanak-kanak perlu dibantu dalam menguruskan kehidupan melalui pengalaman singkat yang perlu dibimbing dengan bijaksana. Maka, bahan bacaan kanak-kanak sedikit sebanyak menyumbang kepada input awal yang diperlukan oleh golongan mereka dalam melangsungkan kehidupan ini.

Tambahan pula, pelbagai aspek dalam cerita rakyat dapat menggambarkan kebijaksanaan watak-watak dalam menghadapi situasi. Misalnya, tindakan serta strategi yang dilakukan oleh watak-watak dalam cerita rakyat menunjukkan kehebatan yang ada pada masyarakat tradisi dahulu. Malah, watak-watak yang popular dalam cerita rakyat juga dianggap sebagai hero dan lambang kecendekiaan masyarakat tradisi. Hal ini kerana, lambang kebijaksanaan oleh watak-watak dalam cerita rakyat bukan sahaja daripada golongan dewasa malah meliputi golongan kanak-kanak. Simbol kebijaksanaan yang digambarkan dalam sesebuah cerita menunjukkan warisan kecendekiaan oleh masyarakat tradisi dahulu. (Haron Daud, 2010:253) kecendekiaan bermaksud dilihat sebagai kepandaian atau kecerdikan. Hal ini menunjukkan watak yang memiliki kecendekiaan mampu berfikiran kritis dan menyelesaikan rintangan yang dihadapi. Selain itu, watak-watak yang membawa nilai murni dalam cerita rakyat dapat menyumbang kepada pembentukan sahsiah dan diri kanak-kanak. (Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim, 2014:84) pembentukan keperibadian yang baik dalam diri kanak-kanak disebabkan bahan bacaan cerita rakyat Malaysia yang sarat dengan nilai murni. Dalam hal ini, cerita rakyat mampu menyumbangkan generasi yang berfikiran kritis, berani dan bijak mengendalikan situasi yang dihadapi. Maka, kajian ini akan mengenal pasti imej kecendekiaan kanak-kanak yang terdapat di dalam '*Koleksi Terpilih Cerita Rakyat Malaysia*' dan menganalisis hal dan sifat kecerdikan dengan menggunakan pendekatan pengurusan dalam konteks kanak-kanak.

TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Kajian lepas yang menyentuh tentang kecendekiaan dalam bahan sastera juga telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lain. Misalnya kajian yang dilakukan oleh (Ani Omar, 2017:300) bertajuk “Cerita Kanak-Kanak Berunsur Mitos, Lagenda dan Sejarah Membina Kecendekiaan Murid-Murid Sekolah dalam Hospital” yang memaparkan tentang sumbangan bahan bacaan cerita rakyat kepada perkembangan kanak-kanak itu sendiri. Antaranya perkembangan tersebut merujuk kepada perbincangan kajian ini yang menunjukkan bahawa cerita rakyat dapat merangsang minda kanak-kanak melalui peristiwa lalu. Malah, kajian ini merumuskan kanak-kanak mendapat bimbingan untuk memahami tentang kehidupan, menilai kesilapan lalu, memahami perubahan yang berlaku, menghargai pahlawan dan meningkatkan kemahiran bahasa serta apresiasi sastera berdasarkan cerita rakyat yang digunakan. Selain itu, hasil kajian yang dijalankan oleh (Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi, 2010:18) yang berjudul “Warisan Budaya Berfikir Lambang Kecendekiaan Minda Melayu dalam Sastera Rakyat Kanak-kanak” pula memaparkan tentang warisan budaya iaitu berfikir secara positif kepada generasi sekarang. Dalam hal ini, cerita rakyat kanak-kanak memaparkan kebijaksanaan masyarakat tradisi apabila membuat anjakan paradigma melalui akal budi Melayu. Kajian ini juga dapat merumuskan responden yang berumur 12 tahun tersebut meminati untuk membaca cerita rakyat kerana mempunyai unsur pengajaran secara tersurat dan tersirat. Di samping itu, sebuah lagi kajian yang menyentuh tentang kecendekiaan telah dilakukan oleh (Haron Daud, 2010:253) yang berjudul “Ilmu Nujum: Aspek Pernujuman dan Pancaran Kecendekiaan Masyarakat”. Kajian ini mengaitkan ilmu nujum yang dapat melambangkan kebijaksanaan anggota masyarakat penciptanya dan pengamalannya. Malah, ilmu nujum merangkumi pelbagai ilmu lain di dalamnya seperti ilmu alam, binatang, haiwan dan hubungannya dengan manusia. Kajian ini juga merumuskan bahawa ilmu nujum tersebut bukanlah ramalan secara kosong namun mempunyai kaedah atau formulanya yang tersendiri dalam membuktikan sesuatu. Jelas sekali terdapat kajian lepas yang menyentuh tentang kecendekiaan dalam bahan sastera. Namun, tidak banyak kajian yang memfokuskan imej kecendekiaan kanak-kanak yang terdapat di dalam karya sastera kanak-kanak. Jesteru itu, diharapkan kajian ini dapat memenuhi kelompangan-kelompangan kajian kecendekiaan kanak-kanak yang ada. Maka, kajian ini akan menyentuh sifat atau hal yang menggambarkan kecendekiaan di dalam bahan bacaan kanak-kanak iaitu cerita rakyat.

METODOLOGI

Bahan kajian yang digunakan ialah buku ‘*Koleksi Terpilih Cerita Rakyat Malaysia*’ terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 2016 oleh Mohammad Shahidan dan lain-lain. Buku yang digunakan memuatkan pelbagai cerita rakyat Malaysia untuk golongan kanak-kanak. Perbincangan analisis akan difokuskan kepada watak yang mewakili sifat dan hal-hal yang menunjukkan kecerdikan dalam menghadapi situasi atau rintangan. Malah, data atau isi kandungan yang berkaitan di dalam bahan kajian juga akan dirangka dengan rajah dan carta alir bagi menggambarkan perkaitannya. Empat buah cerita yang digunakan dalam perbincangan analisis berdasarkan ‘*Koleksi Terpilih Cerita Rakyat Malaysia*’ ialah “Budak Cerdik”, “Inderaputera” dan “Tuah Dua Beradik”. Cerita yang digunakan mewakili imej kecendekiaan kanak-kanak yang terdapat di dalam cerita klasik.

Seterusnya, kajian ini menggunakan pendekatan pengurusan yang diperkenalkan bagi meneliti karya sastera oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (Saravanan P. Veeramuthu, 2019:172) terdapat beberapa kajian awal yang telah dilaksanakan menggunakan pendekatan pengurusan dalam karya sastera seperti kajian Mohamad Mokhtar Abu Hassan, Mohamad Zuber Ismail dan Sara Beden. Pendekatan yang diperkenalkan oleh beliau meliputi 5 prinsip iaitu perancangan, organisasi, kepimpinan, kawalan dan penstafan (tenaga kerja). (Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 2016:5) pendekatan pengurusan dalam kritikan kesusasteraan berasaskan kepada ilmu pengurusan yang

kuncinya adalah proses mencapai objektif, matlamat dan sasaran sesebuah organisasi. Namun, prinsip-prinsip yang digunakan dalam kajian ini ialah prinsip perancangan dan organisasi menjadi asas dalam mencapai sesuatu matlamat. Malah, pendekatan pengurusan yang digunakan akan memfokuskan kepada dunia kanak-kanak dalam konteks kajian ini.

Prinsip perancangan yang terdapat dalam pendekatan pengurusan menekankan aspek perancangan sebagai tindakan utama sebelum membuat sebarang tindakan. (Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 2016:8) aktiviti merancang merupakan asas yang berbentuk fizikal dan mental yang perlu dilakukan pada peringkat permulaan bagi menjayakan matlamat yang ingin dicapai. Manakala, prinsip organisasi pula merujuk kepada ahli atau badan yang terlibat diwujudkan untuk mencapai sesuatu sasaran. (Jaafar Muhamad, 1992: 62) pengorganisasian boleh difahami dengan mengambil contoh susunan para pemain bagi sebuah pasukan permainan bola sepak mengikut rancangan yang diatur dalam mencapai objektif pasukan iaitu kemenangan. Dalam hal ini, prinsip perancangan dan organisasi merupakan peringkat awal yang dapat menggambarkan sifat dan tindakan bagi menggambarkan kecendekiaan seseorang dalam mencapai sesuatu objektif. Malah, pendekatan pengurusan dalam konteks dunia kanak-kanak berdasarkan cerita rakyat dapat meneliti proses pengurusan oleh kanak-kanak seperti komunikasi, idea, strategi, keberanian, keyakinan dan sebagainya. Justeru itu, kajian ini akan mengenal pasti imej kecendekiaan kanak-kanak di dalam cerita klasik dan menganalisis sifat atau hal yang melambangkan kecendekiaan berdasarkan watak di dalam peristiwa bahan kajian.

IMEJ KECENDEKIAAN DI DALAM CERITA RAKYAT KANAK-KANAK


Sifat dan hal yang melambangkan kecendekiaan seseorang sering dikaitkan dengan kebijaksanaan seseorang dalam mengendalikan sesuatu. Hal ini demikian kerana, kejayaan yang dicapai melalui aspek pengurusan dapat menggambarkan kehebatan individu tersebut dalam mengatasi sebarang situasi. Antaranya, komunikasi, kreativiti dan tingkah laku dapat memberi gambaran seseorang individu yang cerdik. Oleh itu, perbincangan kajian ini dapat meneliti tentang watak kanak-kanak melambangkan kecerdekaannya menghadapi sebarang situasi dan perkara.

Kecendekiaan dalam Konteks Komunikasi

Penggunaan komunikasi yang digunakan oleh manusia dalam kehidupan seharian dapat memudahkan urusan manusia. Hal ini demikian kerana, komunikasi menjadi alat perhubungan antara penyampai dan penerima. (Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad, 2001:1) komunikasi boleh dianggap sebagai satu proses manusia menghantar dan menerima mesej. Hal ini merujuk kepada kemahiran yang perlu dikuasai oleh manusia untuk pelbagai urusan kehidupan. (Zainiah Mohamed Isa et al., 2017:4), kemahiran komunikasi adalah bertujuan untuk meningkatkan pertukaran komunikasi dan sosial antara kanak-kanak dan orang lain. Dalam konteks ini, kanak-kanak yang mahir berkomunikasi dapat mencapai matlamat dan objektif yang berada di dalam fikiran. Sebagai contohnya, kanak-kanak dapat menyatakan luahan, emosi, idea dan sebagainya dengan penguasaan komunikasi mereka. Maka, kanak-kanak yang menguasai kemahiran komunikasi akan mendapat keberanian dan keyakinan dalam melontarkan idea mahupun luahan. Justeru itu, kemahiran komunikasi yang ada pada diri seseorang kanak-kanak dapat melambangkan keperibadiannya.

Di dalam cerita "Budak Cerdik" dapat dikesan imej kecendekiaan kanak-kanak melalui komunikasi yang digunakan oleh watak Satiyah. Berdasarkan cerita "Budak Cerdik" menunjukkan bahawa watak Satiyah berusia 12 tahun namun mempunyai penguasaan komunikasi yang baik. Namun, watak Satiyah menunjukkan keberanian bertutur dengan watak Hulubalang istana walaupun perbezaan umur yang sangat ketara. Hal ini demikian kerana, tindak balas yang digambarkan oleh watak Satiyah semasa menghadapi situasi sukar yang menimpa diri dan rakan-rakannya. Hal ini selari dengan prinsip perancangan yang digunakan oleh watak Satiyah sebagai langkah untuk mengelak

daripada hukuman yang dijatuhkan oleh Raja ke atas ayahnya. Prinsip perancangan yang digunakan oleh watak Satiyah menunjukkan kemahiran kritis dengan berfikir akan strategi dan aktiviti yang perlu dijalankan pada peringkat awal agar mencapai matlamatnya. (Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 2016:8) menyatakan bahawa perancangan merupakan aktiviti-aktiviti asas yang berbentuk fizikal dan mental yang mesti dilakukan terlebih dahulu bagi menjayakan sesuatu matlamat itu. Dalam mencapai objektifnya, beberapa proses perancangan yang diambil oleh watak Satiyah. Pertama, watak Satiyah menetapkan objektifnya untuk menyelesaikan masalah Tuk Mat. Kedua, tindakan watak Satiyah menyuruh ayahnya bertungku seperti orang perempuan lepas bersalin merupakan strategi bagi merealisasikan objektifnya. Ketiga, watak Satiyah menjawab persoalan watak Hulubalang tentang situasi Tuk Mat sebagai penyelesaian masalah tersebut. Melalui proses-proses tersebut watak Satiyah melakukan segala perancangan dengan jayanya tanpa sebarang kegagalan. Dalam konteks kajian ini, proses perancangan penting kepada kanak-kanak untuk mendorong kepada komunikasi dalam melaksanakan perancangannya. Berikut merupakan beberapa peringkat proses perancangan berdasarkan peristiwa:



Rajah 1: Kecendekiaan dalam pengurusan berkomunikasi

Gambaran tersebut dapat dilihat melalui peristiwa di bawah:

Satiyah dengan tenang memujuk ayahnya, “Ayah jangan bimbang. Saya ada satu akal. Ayah pergilah berdiang dan bertungku seperti orang perempuan selepas bersalin.” Oleh sebab fikiran Tuk Mat sudah buntu, dia mengikut saja suruhan Satiyah”. Ketika hulubalang dan orang-orangnya datang ke rumah Tuk Mat untuk mendapatkan susu lembu jantan sebagaimana perintah Raja, Satiyah memberitahu, “Maaf, hulubalang. Ayah hamba sedang berdiang dan bertungku kerana baru saja lepas bersalin.” Serta merta dahi hulubalang dan orang-orangnya berkerut lalu berkata, “Mustahil orang lelaki boleh beranak.” Segera Satiyah menjawab, “Jadi, tentulah mustahil juga lembu jantan mengeluarkan susu.” Dengan perasaan kesal dan kecewa hulubalang dan orang-orangnya pulang ke istana dan mempersembahkan kejadian di rumah Tuk Mat kepada Raja.


(Budak Cerdik: 14)

Rumusnya, kemahiran komunikasi yang dikuasai oleh golongan kanak-kanak dapat melambangkan kecendekiannya dalam mengendalikan situasi sukar. Hal ini mampu menjadikan contoh teladan kepada pembaca golongan kanak-kanak dalam merangsang mereka menguasai kemahiran komunikasi bagi mencapai matlamat mereka. Maka, pengurusan komunikasi dalam kalangan kanak-kanak menjadi aspek penting bagi membentuk generasi yang hebat.

Kecendekiaan dalam Konteks Kreativiti

Setiap manusia mempunyai kreativiti tersendiri dalam mengendalikan sesuatu mahupun situasi. Hal ini demikian kerana, strategi yang terhasil berdasarkan kesesuaian situasi dapat mencapai objektifnya. (Hizairi Othman, 2002:12) kreativiti merujuk kepada ‘kesanggupan mencipta, daya cipta atau kemampuan untuk mewujudkan suatu kombinasi baharu’. Dalam konteks ini, akal fikiran yang ada pada manusia dapat menghasilkan pilihan yang terbaik bagi menyelesaikan sesuatu perkara. Sebagai contohnya, golongan kanak-kanak memiliki kreativiti semasa bermain bersama rakan-rakannya untuk mencapai kemenangan. (Abdullah Hassan & Ainon Mohd, 2002:4) setiap kanak-kanak memiliki kemampuan kreativiti tersendiri secara semula jadi semasa melakukan sebarang aktiviti. Kreativiti tersebut menggambarkan kemampuan kanak-kanak menggunakan akal fikiran dalam mencapai matlamatnya. Justeru itu, kreativiti yang dihasilkan juga dapat menunjukkan perkembangan kemahiran kreatif dan kritis kanak-kanak.

Selanjutnya, prinsip perancangan melalui kisah tentang dua beradik dalam cerita “Tuah Dua Beradik” yang masih kanak-kanak iaitu Rawa dan Rawi. Pertama, watak Rawa menetapkan objektif iaitu menandakan perjalanannya dengan membuang perca kain. Dalam hal ini, kreativiti oleh watak Rawa yang mengambil tindakan untuk membuang perca kain sehingga ke destinasi ditujui sebagai petunjuk kepada lokasi keberadaannya. Hal ini demikian kerana, watak Rawi yang disangka sudah meninggal kerana dipatuk ular menyebabkan watak Rawa mengambil keputusan untuk beredar dari hutan tersebut. Kedua, langkah berjaga-jaga yang diambil oleh watak Rawa dengan membuang perca kain menunjukkan kreativitinya sebagai panduan adiknya sekiranya masih selamat. Dalam hal ini, proses perancangan tersebut mencapai matlamatnya apabila watak Rawi yang tersedar daripada pengsan terus mengikuti petunjuk yang ditinggalkan oleh abangnya itu untuk keluar dari kawasan hutan. Maka, tanggungjawab sebagai seorang abang pada watak Rawa dalam memastikan keselamatan adiknya untuk keluar dari kawasan hutan dengan selamat. Hal ini memberikan contoh positif kepada kanak-kanak melalui hubungan organisasi kekeluargaan yang terdapat di dalam cerita rakyat. Berikut merupakan beberapa peringkat proses perancangan berdasarkan peristiwa:



Rajah 2: Kecendekiaan dalam berkreativiti

Gambaran tersebut dapat dilihat melalui peristiwa di bawah:

Tersebutlah pula kisah Rawi yang dipatuk oleh ular tadi. Nasibnya baik kerana ular yang mematuknya itu ular yang tidak berbisa. Apabila dia sedar semula dilihatnya Rawa sudah tiada lagi disitu. Maka berjalanlah Rawi mengikut perca kain yang dibuang oleh Rawa dari atas belakang gajah putih. Akhirnya, Rawi tiba di istana. Di istana, Rawi berjumpa dengan penjaga kuda dan memohon untuk menjadi penjaga kuda.

(Tuah Dua Beradik: 159)

Rumusnya, kemampuan dalam mencipta sesuatu idea yang terbaik untuk sesuatu dan situasi jelas menggambarkan kebijaksanaan seseorang. Malah, penyelesaian tersebut mampu merangsang minda golongan kanak-kanak untuk bertindak dengan bijak. Maka, aspek pengurusan dalam merangsang kreativiti dapat melahirkan kepelbagaian idea daripada seseorang.

Kecendekiaan dalam Konteks Tingkahlaku


Setiap manusia mempunyai tingkah laku yang berbeza atas faktor latar belakang, persekitaran dan sebagainya. Malah, pembentukan tingkah laku bermula sejak peringkat kanak-kanak lagi melalui pemerhatian dan perbuatan. (Noorfizah Abdul Malek, 1995:81) kanak-kanak menerima pembelajaran dari peniruan tingkah laku mahupun percakapan. Hal ini demikian kerana, kanak-kanak mudah dipengaruhi melalui apa yang dilihat oleh mereka dalam kehidupan seharian. Tingkah laku yang baik seperti hormat menghormati, rendah diri, prihatin dan sebagainya mampu mendidik kanak-kanak menjadi insan yang lebih berkeperimanusiaan. (Mohd. Amin H.A Shariff, 2003:121) kanak-kanak yang memiliki akhlak mulia seperti sikap rendah diri dan tidak sombong antara nilai yang perlu dipupuk. Dalam konteks ini, pembentukan sahsiah diri sejak kecil lagi mampu melambangkan keperibadian yang dikagumi ramai. Misalnya, individu ataupun tokoh yang bijaksana sering digambarkan mempunyai tingkah laku yang perlu dicontohi. Maka, tingkah laku yang baik mendorong masyarakat untuk memandang tinggi seseorang itu untuk diteladani.

Berdasarkan cerita “Inderaputera” menunjukkan bahawa watak Inderaputera yang merupakan seorang kanak-kanak yang mempunyai tingkah laku yang baik. (Mohd. Amin H.A Shariff, 2003:33) pembentukan kelakuan dan tingkah laku bergantung pada apa yang didapati oleh kanak-kanak itu daripada ibu bapa dan keluarganya. Hal ini merujuk kepada faktor didikan oleh watak Nenek Kebayan yang menjaganya setelah hilang daripada ibu dan ayahnya. Tingkah laku watak Inderaputera yang sopan serta tertib telah menarik perhatian watak Perdana Menteri. Gambaran tersebut dapat dilihat melalui peristiwa di bawah:

Nenek Kebayan itu sangat hairan melihat seorang budak lelaki berada di dalam kebun bunganya. Diajaknya Inderaputera tinggal di rumahnya. Nenek Kebayan membawa sama Inderaputera ketika dia berjual bunga. Tingkah laku Inderaputera yang tertib dan sopan sangat disukai oleh Perdana Menteri negeri itu. “Nenek, saya sangat berkenan melihat anak angkat nenek. Bolehkah saya mengajaknya tinggal bersama saya pula?” tanya Perdana Menteri.


(Inderaputera:47)

Dalam konteks ini, struktur organisasi terdapat di dalam cerita ini selari dengan prinsip pengorganisasian. (Jaafar Muhamad, 1992:62) pengorganisasian dapat menentukan peranan dan tugas masing-masing yang perlu dijalankan bagi mencapai matlamat organisasinya. Sebagai contohnya, jawatan atau tugas yang disandang oleh salah seorang ahli organisasi seperti watak Perdana Menteri perlu membantu pentadbiran dan keamanan negeri tersebut. Watak Perdana Menteri yang sedang memantau keadaan di kampung menunjukkan salah satu daripada tugasnya dalam organisasi pemerintahan negara tersebut. Manakala, watak Nenek Kebayan dan Inderaputera sebagai masyarakat yang perlu memberikan kerjasama dalam mencapai matlamat sesebuah organisasi. Hal ini demikian kerana, kejayaan sesuatu matlamat itu bergantung kepada ahli-ahli organisasinya sama ada menyokong ataupun tidak. Berikut merupakan rajah struktur organisasi di dalam cerita tersebut:



Rajah 3: Struktur Organisasi dalam *Inderaputera*

Malah, prinsip perancangan oleh watak Perdana Menteri yang mempunyai perancangan untuk mengambil inderaputera sebagai anak angkatnya. Hal ini disebabkan tingkah laku watak Inderaputera yang menambat hati Perdana Menteri. Pertama, Perdana Menteri menetapkan objektifnya sebelum melaksanakan aktiviti seterusnya. Kedua, watak Perdana Menteri menetapkan aktiviti perancangan seterusnya iaitu dengan meminta izin dengan watak Nenek Kebayan. Berikut merupakan beberapa peringkat proses perancangan berdasarkan peristiwa:



Rajah 4: Kecendekiaan dalam pengurusan tingkah laku

Rumusnya, kelakuan yang digambarkan oleh seseorang individu mampu mempengaruhi persepsi masyarakat terhadapnya. Dalam hal ini, masyarakat amat menghormati kalangan individu yang mencerminkan akhlak terpuji sebagai orang berpendidikan secara formal dan bukan formal. Maka, pengurusan tingkah laku sejak peringkat kanak-kanak dapat melahirkan pelapis generasi yang terpuji.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini dapat dirumuskan bahawa imej kecendekiaan kanak-kanak terpancar di dalam cerita rakyat di Malaysia. Kajian ini jelas menunjukkan sememangnya cerita rakyat tidak menggambarkan aspek negatif serta kebodohan kerana kaya dengan aspek kecendekiaan dan kebijaksanaan boleh dilihat melalui watak-watak di dalam cerita rakyat. Hasil kajian menunjukkan hal dan sifat yang berkaitan dengan kebijaksanaan kanak-kanak berkait rapat dengan perkembangan akal fikiran mereka. Hal ini demikian kerana, golongan kanak-kanak yang mendapat didikan secara formal dan tidak formal cenderung menggambarkan kecendekiannya melalui perbuatan mahupun percakapannya. Perkembangan akal fikiran golongan kanak-kanak juga dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti pendidikan, latar belakang, budaya dan sebagainya. Pengaruh tersebut sedikit sebanyak menyumbang kepada pembentukan diri kanak-kanak tersebut dalam pelbagai aspek. Dalam konteks cerita rakyat di Malaysia menunjukkan imej kecendekiaan kanak-kanak cenderung kepada faktor tersebut. Hal ini disebabkan golongan kanak-kanak pada zaman tradisi dirangsang untuk berfikir, berdikari, bertindak dan berkomunikasi dalam semua situasi. Persekitaran tersebut jelas mengajar golongan kanak-kanak sehingga mampu memancarkan kecendekiannya dalam pelbagai aspek. Melalui kajian ini, bahan bacaan seperti cerita rakyat di Malaysia dapat mendorong golongan kanak-kanak sebagai pembaca untuk mendekati gaya kehidupan kanak-kanak tradisi untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Kesannya, kanak-kanak dapat meningkatkan pelbagai kemahiran yang diperlukan bagi zaman yang penuh dengan cabaran kini. Oleh itu, sifat dan hal yang berupa kecendekiaan tersebut dapat mentranformasikan modal insan dan generasi muda yang lebih dinamik, progresif serta aktif dalam pelbagai perkara.

RUJUKAN

- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. (2001). *Santun Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2002). *Mendorong Kreativiti Kanak-kanak*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Ani Omar. (2017). Cerita Kanak-Kanak Berunsur Mitos, Lagenda dan Sejarah Membina Kecendekiaan Murid-Murid Sekolah dalam Hospital. *Journal of Education and Social Sciences*. Issue 1 (7) : 300-306.
- Fadli Al-Akiti. (2015, Mac) . Rekeyasa Sastera Lisan. *Dewan Sastera*. Jilid 45, 1.
- Hadijah Rahmat. (2006). *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Daud. (2010). Ilmu Nujum: Aspek Pernujuman dan Pancaran Kecendekiaan Masyarakat. SARI: *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*. 28 (1): 253-275.
- Hizairi Othman. (2002). *Kreativiti dalam Penciptaan Karya Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid. (1987). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Longman Malaysia.
- Jaafar Muhamad. (1992). *Asas Pengurusan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Misran Rokimin. (2005, Nov). Pendidikan Moral Menerusi Bahan Sastera Kanak-kanak. *Dewan Sastera*. Jilid 35, 31-44.
- Mohd Amin H.A Shariff. (2003). *Perkembangan Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim. (2014). Cerita Rakyat Melayu membentuk Moral Positif Kanak-kanak melalui Nilai-nilai Murni. *Journal of Business and Social Development*. (2) : 74-85.
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2016). Syarahan Perdana: *Pendekatan Pengurusan dalam Kritikan Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Mohammad Shahidan et al. 2016. *Koleksi Terpilih Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Siti Saniah Abu Bakar & Arba'ie Sujud. (2010). Warisan Budaya Berfikir Lambang Kecendekiaan Minda Melayu dalam Sastera Rakyat Kanak-kanak. *Jurnal Aswara*. Jilid 5 (1) : 18-27.
- Noofizah Abdul Malek. (1995). *Bimbingan Motivasi Anak Cemerlang*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Norsaliza Mohd Shuhaini, Mohd Rosli Saludin & Azhar Hj.Wahid. (2017). Keupayaan Pengurusan Intelektualisme Kanak-kanak dalam Kekuasaan Animasi Upin Ipin. *Jurnal Peradaban Melayu*. 1 (12): 71-87.
- Saravanan P. Veeramuthu. (2019). Kepimpinan dalam Novel Perang Sangkil: Satu Bacaan Pendekatan Pengurusan. *Asian People Journal (APJ)*, Vol 2 (1), PP 169-182.
- Zainiah Mohamed Isa, Juppri Bacotang, Nur Fatin Zainuddin & Mazlina Che Mustafa. (2017). Tahap Perkembangan Bahasa dan Komunikasi Kanak-kanak Berusia 2+Tahun. *Persidangan Antarabangsa Pedagogi Islam dalam Pendidikan 2017 (ICIPE2017) 29/09/17 -01/10/17, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak*.